

UUM ONLINE: Pasukan Karom Lelaki dan Wanita Universiti Utara Malaysia (UUM) meraih Pingat Perak di Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia Ke-36 (SUKUM 36) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Kedua-dua Pasukan Lelaki dan Wanita UUM bertemu di perlawanan Akhir dengan penyandang juara iaitu Universiti Malaya (UM).

Dalam perlawanan akhir yang segit itu Pasukan Lelaki UUM ditewaskan 1-4 oleh UM manakala Pasukan Wanita kalah tipis 1-2.

Pasukan Lelaki UUM mara ke peringkat akhir setelah mengalahkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) 3-2 di peringkat separuh akhir manakala pasukan wanita menang 2-1 juga ke atas UiTM.

Terdahulu Pasukan Lelaki UUM muncul juara peringkat kumpulan setelah mengalahkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 3-2 dan mengalahkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 4-1 sebelum melangkah ke peringkat suku akhir dan bertemu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kemenangan 4-1.

Pasukan Wanita UUM pula menjadi juara peringkat kumpulan apabila mengalahkan UM 2-1 dan menewaskan UKM 3-0 sebelum bertemu UTHM di suku akhir dengan kemenangan bergaya 3-0.

Kemengan pasukan karom ini dikongsi bersama Pendaftar UUM, Mohamad Akhir Hj Yusuf dalam satu majlis ringkas di sini Khamis lalu di mana Pasukan tersebut menyerahkan Pingat Perak yang dimenangi kepada beliau selaku Ketua Kontinjen UUM ke SUKUM 36.

Mohamad Akhir dalam ucapan ringkasnya memberi suntikan semangat supaya Pasukan Karom UUM terus memperbaiki mutu permainan bagi menaikkan nama UUM lebih-lebih lagi apabila UUM menjadi tuan rumah SUKUM 37 dijadualkan berlangsung tahun depan.

Pasukan Karom UUM terdiri daripada Mohd Zaini Nasri (Pengurus), Mohd Ghoni Saad (Penolong Pengurus), Zukiman Zainal (Kapten), Mohd Zamri Abu Bakar, Mohd Zaiful Sulaiman, Saad Rejab, Ramizan Aziz, Azuawan Yahya, dan Mohamad Zubir Tajuddin.

Manakala Pasukan Wanita terdiri daripada Mahani Ahmad, Aida Abdul Jalil, Noor Yusni Md. Yusof, Salmah Mat Ali dan Zaini Majid.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my